

Fikrah Islami dalam Binaan Tasawur

Sidek Baba

Profesor Pendidikan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

Fikrah Islami amat penting dalam pembinaan tasawur (pandangan semesta) supaya pemahaman terhadap Islam berlaku secara fitrah dan melengkap. Al-Quran dijadikan sebagai pedoman, dan diperkukuh dengan sunah Rasulullah SAW yang terhubung dengan manusia sebagai contoh dan keperluan kepada sumber teladan dan ikutan. Tanpa petunjuk dan pedoman daripada Allah SWT, manusia akan kehilangan arah untuk memahami erti kehidupan. Hal ini akan mengekalkan kejahilan dan berakhir dengan kesesatan. Oleh itu, fikrah Islami amat penting sebagai tunjang untuk memahami faktor lahiriah dan batiniah. Tanpa integrasi kedua-duanya, tasawur manusia akan menjadi sepihak.

Fikrah Islami juga merupakan cerminan tasawur yang merintis kefahaman yang lebih menyeluruh terhadap Islam dari sudut tafsir dan amali. Amat penting Islam itu difahami supaya perspektif amali berada dalam fitrah dan tidak berlaku penyimpangan. Islam dan sumber wahyunya sering disalahtafsirkan sehingga berlaku salah faham akibat tiadanya fikrah Islami yang memandu dan mempedoman kefahaman pengikutnya. Dengan fikrah Islami yang betul dan merangkumi, umat Islam dipandu untuk memahami Islam seadanya supaya penyimpangan dan kesesatan tidak mengambil tempat.

Dalam al-Quran terkandung fikrah Islami yang bersifat tekstual dan kontekstual supaya sistem kepercayaan berasaskan akidah diterjemahkan dalam skop ibadat yang luas, dan batas syariah yang mentertibkan dan mematuhi batasan makruf dan mungkar. Dengan hal yang demikian, akhlak akan sentiasa menjadi pakaian hidup manusia. Tanpa keperluan dan batasan ini, manusia akan melalui hidup tanpa pedoman dengan hanya memilih faktor lahiriah yang masih terbatas cakupannya.

Fikrah Islami yang bersifat tekstual datang daripada sumber wahyu yang ditanzulkan kepada manusia, dan mengandungi khabar gembira dan peringatan (*bashira wa nazira*), tetapi banyak manusia tidak mengetahui. Tuntutan beriman dan bertakwa kepada Pencipta merupakan asas utama yang terkandung dalam al-Quran. Walaupun nabi dan rasul diutus kepada kaum tertentu dan pada zaman yang tertentu, namun masih wujud manusia yang ingkar terhadap Pencipta yang memberikan rahmat dan nikmat yang banyak.

Fikrah Islami yang bersifat kontekstual pula mengandungi risalah yang memberikan petunjuk dan pedoman dalam ibadat yang skopnya tidak terbatas dalam hal rohaniah sahaja, tetapi mencakupi amalan dan cara hidup yang berlandaskan syariah. Hal ini terdapat dalam hukum dan undang-undang supaya batasan boleh dan tidak boleh diketahui, makruf dan mungkar dijelaskan, baik dan buruk diketahui, hak dan batil termaklum, dosa dan pahala menjadi pembeza, serta adil dan zalim menjadi pertimbangan. Oleh itu, kehidupan yang dilalui akan terpandu. Semuanya berlaku dalam pergaulan, keluarga, masyarakat, tradisi dan budaya, ekonomi dan perniagaan, serta ilmu dan pendidikan. Hal ini penting untuk mengawal ketertiban serta keteraturan cara dan amalan supaya amal soleh terjadi.

Al-Quran mengandungi hikmah yang membawa kebijaksanaan berfikir manusia untuk memahami rahsia kewujudan alam dan kehidupan. Terdapat

manusia yang percaya adanya Allah SWT, tetapi tidak menterjemahkan wahyu Allah SWT sebagai petunjuk dan pedoman dalam kehidupan. Wujud juga golongan yang mewarisi agama secara keturunan dan tidak mampu memahaminya secara ilmu yang membimbing amalan dan penghayatan. Terdapat kelompok lain pula yang cuba memahami Islam dan al-Quran berasaskan akal dan logik, serta rasional semata-mata sehingga fahaman liberal, sekular dan pluralisme agama menyelinap masuk ke dalam tubuh ilmu dan dunia tafsir. Maka itu, akan berlakulah penyelewengan dan salah tafsiran terhadap Islam.

Di sinilah perlunya pemahaman terhadap Islam yang bersumberkan ilmu wahyu dan sunah Rasulullah SAW sebagai tradisi yang berkembang zaman-berzaman sehingga melahirkan tamadun yang bertahan ratusan tahun lamanya. Faktor yang menyebabkannya berlaku adalah kerana al-Quran dan sunah diikuti, dipatuhi, difahami dan dihayati. Berlaku sinergi atau kerjasama ulama dan umara dalam usaha melaksanakan Islam. Perkembangan tradisi *tabaddur* ini menyebabkan pengkajian dan pengkayaan terjadi. Hal ini menyebabkan proses islah dan tajdid berlaku sehingga menyegarkan lagi fikrah Islami yang memantapkan kefahaman Islam sebagai suatu sistem kepercayaan untuk menghadapi perubahan zaman dan cabaran lingkungan.

Faktor sezaman dan cabaran lingkungan lazim mendepani kehidupan manusia, apatah lagi manusia bercita-cita untuk maju dan terus berubah. Maju dan berubah tidak salah, malah merupakan sesuatu yang fitrah. Akan tetapi, prasyarat terhadap maju dan perubahan mestilah berasaskan prinsip yang ditunjukkan oleh wahyu Allah SWT dan pedoman sunah Rasulullah SAW. Urutan petunjuk serta pedoman Allah dan sunah Rasulullah itu difahami dan ditafsirkan oleh para sahabat Rasulullah, tabi tabiin dan para ulama muktabar yang selari dengan akidah dan syariah supaya jalur perubahan dan kemajuan tidak menyimpang dan dapat memperkukuh akhlak insan.

Fikrah Islami menjadi asas utama dalam proses pengilmuan dan pendidikan agar manusia yang dibentuk dan dilahirkan memiliki sahsiah yang holistik atau menyeluruh. Lazimnya manusia memahami proses pengilmuan dan pendidikan dalam batas yang zahir. Pengilmuan hanya berlegar sekitar faktor akhlah yang sifatnya terbatas, dan menafikan faktor naqliyah yang sifatnya mencakupi. Pendidikan tidak lebih daripada proses pemindahan maklumat dan memberikan keterampilan tanpa faktor naqliyah yang mementingkan binaan sahsiah dan akhlak.

Proses pengilmuan dan pendidikan berasaskan fikrah Islami bukan sahaja memberikan ilmu dan keterampilan, tetapi juga kekuatan peribadi supaya faktor etika Qurani mampu membangunkan akal budi manusia. Etika dan nilai murni Qurani, seperti berlaku jujur, amanah, adil dan bijaksana boleh mewujudkan kesejahteraan, bukannya malapetaka. Malapetaka boleh terjadi apabila nafsu *al-amarah bi al-su'* mengambil tempat dan membudaya dalam kehidupan manusia.

Sejak zaman-berzaman, terdapat sebahagian manusia menolak agama yang benar dan menganut fahaman yang bercanggah dengan fikrah Islami. Sebahagiannya pula menerima agama, tetapi menyalahi akidah tauhid dengan melakukan syirik. Fikrah Islami yang sifatnya mencakupi hal akidah, ibadat, syariah dan akhlak menjadi landasan yang memberikan makna maju dan berubah. Kerenah mendepani zaman mungkin pelbagai, tetapi prinsip utama dalam fikrah Islami tetap kekal.


Pada zaman mana pun manusia yakin akidah tauhid tentang keesaan Allah tetap menjadi tunjang kepercayaan dan keyakinan yang diimani. Fahaman pluralisme agama yang mengatakan semua agama sama benar boleh membawa kepada penyimpangan. Ibadat khusus seperti solat tetap tidak berubah, ibadat umum sifatnya dinamik kepada faktor zaman dan cabaran lingkungan kerana sifatnya sedemikian. Bukan fikrah disesuaikan dengan zaman sehingga penyelewengan terjadi, tetapi fikrah Islami berperanan membentuk perubahan supaya apa-apa zaman pun dihadapi, fikrah Islami tetap menjadi petunjuk dan pedoman.

Fahaman kapitalis terbina dengan matlamat kebendaan dan mengizinkan diskriminasi, monopoli dan eksploitasi terjadi. Sistem riba menjadi subur menyebabkan orang yang kaya bertambah kaya, dan jurang kemiskinan bertambah meluas. Fahaman sosialis dan komunis menganjurkan pendekatan sama rata dan sama rasa tanpa mengiktiraf perbezaan yang wujud daripada potensi manusiawi, sehingga menyebabkan ketidakadilan berlaku dan faktor agama tertolak.

Fikrah Islami menampilkan upaya berfikir senafas dengan faktor syarak supaya jalur kehidupan lebih tertib dan jalan manusiawi menjadi teratur. Krisis kehidupan yang sedang dilalui oleh manusia kini disebabkan pergantungan kepada akal semata-mata dan penolakan faktor naqliah dalam binaan tasawur. Akal manusia penting, tetapi sifatnya terbatas. Keterbatasan itu menyebabkan faktor lahiriah difahami, dan faktor batiniah dikesampingkan.

Integrasi faktor lahiriah dan batiniah ini akan menjadikan fikrah Islami sebagai pedoman yang memahami perkara yang nyata dan ghaib.

Pemahaman terhadap fikrah Islami sangat penting dan utama kerana tanpanya ibarat hilangnya suluh yang memberikan celik akal dan hati terhadap tasawur Islam yang mendukung sistem kepercayaan dan cara hidup. *Din al-Islam* terbina atas dua asas utama, iaitu asas tauhid yang menjadi pancang beragama serta memberikan petunjuk dan pedoman yang terkandung dalam al-Quran, dan contoh teladan dalam sunah Rasulullah sebagai panduan kehidupan.



Fikrah Islami juga menjadikan pemikiran berkembang bersama-sama dengan etika dan nilai Qurani yang membantu manusia memahami makna hidup dan kehidupan supaya jalur makruf dijadikan pedoman dan jalur mungkar tidak diamalkan. Maaruf dan mungkar terjadi kepada manusia. Manusia yang berilmu dan menghayatinya dengan fikrah Islami akan sentiasa mengerti dan memahami makna hidup dan kehidupan.

Binaan tasawur berasaskan fikrah Islami merupakan landasan terbaik untuk memahami Islam seadanya. Islam seadanya bukan sahaja kukuh dalam

“**Proses pengilmuan dan pendidikan berasaskan fikrah Islami bukan sahaja memberikan ilmu dan keterampilan, tetapi juga kekuatan peribadi supaya faktor etika Qurani mampu membangunkan akal budi manusia.**”

usaha memahami maksud wahyu diturunkan dan Rasulullah SAW diutus, malah memberikan petunjuk dan pedoman supaya manusia tidak kehilangan arah untuk memahami makna hidup dan kehidupan. Hingga kini manusia terus mencari makna kepada suatu kehidupan yang memenuhi tuntutan naqliah (wahyu) dan tuntutan akal yang sifatnya penting, tetapi terbatas.

Oleh itu, tasawur Islami yang berasaskan fikrah Islami menjadi suatu tuntutan untuk dipelajari dan difahami supaya hidup memiliki petunjuk dan pedoman untuk berubah ke arah kesejahteraan. Kemajuan manusia kini akan lebih bererti sekiranya tasawur Islami yang diperkukuh oleh fikrah Islami menjadikan manusia lebih faham makna hidup dan kehidupan kerana perspektif yang lebih menyeluruh, iaitu lahiriah dan batiniah dijadikan landasan.

Manusia sebenarnya berada dalam pencarian. Sesetengahnya bertemu dengan sesuatu yang dicari, sesetengahnya tidak dan belum bertemu menyebabkan dakwah dan tarbiah terus berlaku. Dakwah dan tarbiah bukan sekadar menyampaikan dan mengajak manusia bertemu dengan apa-apa yang dicari, tetapi menerima makna pencariannya itu. Manusia mencari apakah makna hidup dan kehidupan, dan akhirnya kehidupan. Menjalani kehidupan memerlukan petunjuk dan pedoman. Tanpa petunjuk dan pedoman, manusia akan kekal dalam kejahilan dan berada dalam kesesatan. Melainkan dakwah dan tarbiah yang membekalkan manusia dengan ilmu untuk mendidiknya menjadi tahu, dan kemudian diolah dalam pendidikan supaya manusia faham apa-apa yang dilihat, manakala apa-apa yang tidak dilihat dipandu oleh fikrah Islami sehingga manusia menjadi celik.

Kecelikan akal dan hati akan memberikan kekuatan iman dan takwa, serta menjadi pedoman kepada manusia. Kekuatan iman akan menjadi tunjang kepada akidah tauhid bahawa Allah Yang Maha Esa mencipta alam dan kehidupan ini di samping takwa (*God-consciousness*) mempedoman diri supaya berdisiplin dan memiliki etika Qurani. Etika Qurani menjadikan kehidupan lebih tertib dan terarah, dan membimbing manusia ke arah keamanan dan kesejahteraan.

Hal ini diperkukuh dengan fikrah Islami yang membentuk tasawur untuk memahami Islam dalam erti kata yang sebenarnya supaya manusia beriman dan melakukan hal yang makruf dan mencegah diri daripada perkara yang mungkar. Akhirnya makna hidup dan kehidupan akan ditemui dan dihayati. **DTI**